

## **TEKS UCAPAN**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN  
JASAMU DIKENANG JABATAN PEGUAM NEGARA TAHUN 2019**

**OLEH**

**YBHG. TUAN TOMMY THOMAS, PEGUAM NEGARA MALAYSIA**

**18 APRIL 2019, DEWAN TAN SRI ABDUL KADIR YUSOF**

**JABATAN PEGUAM NEGARA**

Yang Berbahagia Datuk Siti Zainab binti Omar

Peguam Cara Negara II;

Yang Berbahagia Dato' Mohamad Hanafiah bin Zakaria

Peguam Cara Negara III;

Yang Berbahagia Tan Sri Sheikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman

Ahli Majlis Pakar (Syariah);

Ketua-Ketua Bahagian;

Timbalan-Timbalan Ketua Bahagian;

Penasihat-Penasihat Undang-Undang Negeri;

Pengarah-Pengarah Pendakwa raya Negeri;

Para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018,

Para Pesara dan penerima - penerima Surat Penghargaan 2018  
yang diraikan;

Datuk-Datuk, Datin-Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya  
hormati.

Bersyukur kita pada hari ini kerana dapat bersama - sama hadir di  
Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Jasamu  
Dikenang Jabatan Peguam Negara Tahun 2019.

Terima kasih dan tahniah saya ucapkan kepada Jawatankuasa Penganjur yang diketuai oleh Bahagian Pengurusan, dan dibantu Bahagian Gubalan, Penasihat, Hal Ehwal Antarabangsa dan Syariah dan Pengharmonian Undang-undang. Terima kasih juga atas kehadiran pegawai-pegawai AGC pada hari ini.

Hadirin sekalian,

Majlis ini adalah untuk AGC meraikan, mengiktiraf dan berterima kasih kepada warganya yang telah berkhidmat dengan cemerlang pada tahun 2018. Saya dimaklumkan bahawa para penerima APC dan Sijil Penghargaan ini bukan sahaja mendapat markah penilaian yang tinggi, malah memiliki etika kerja yang cemerlang, serta peribadi yang terpuji.

Seramai 126 warga AGC di Ibu Pejabat dan di Pejabat -Pejabat Negeri telah dipilih sebagai penerima APC dan 130 warga AGC dipilih sebagai penerima Surat Penghargaan. Walaupun 82 peratus pegawai AGC telah mendapat markah cemerlang, namun,

berdasarkan kuota yang ditetapkan, hanya 8 peratus sahaja yang terpilih. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada tuan-tuan dan puan-puan.

Saya amat berbangga dengan prestasi cemerlang ini. Saya harap ianya dapat menjadi dorongan kepada rakan-rakan yang lain dalam meningkatkan prestasi mereka dan kualiti perkhidmatan awam.

Tidak dilupakan juga 20 orang pegawai AGC yang telah dan akan bersara tahun ini. Bagi pihak warga AGC, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala jasa dan khidmat tuan-tuan dan puan-puan. Saya ucapkan selamat bersara dan semoga sentiasa diberikan kesihatan yang baik.

Hadirin sekalian,

Kecemerlangan sesebuah organisasi bergantung kepada prestasi warganya. Kebolehan dan potensi warga AGC perlu sentiasa dibentuk dan digilap.

Prestasi mereka mesti terus ditingkatkan. Pengurusan bakat dan potensi warga AGC yang berkesan dan sistematik juga penting, bagi menjamin keterusan kepimpinan dan kepakaran dalam AGC.

Yang penting, sebagai penjawat awam, kita mestilah berkhidmat dengan ikhlas dan berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Kecemerlangan penjawat awam perlu dipupuk secara berterusan, agar perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat dan Negara. Pegawai AGC juga perlu kental menghadapi apa jua cabaran. Kita perlu teguh dan tidak mudah menyerah kalah dalam menegakkan keadilan.

Saya akhiri ucapan saya dengan dua rangkap pantun:

*Pulau Pandan jauh ke tengah,*

*Gunung Daik bercabang tiga,*

*Terus cekal berdiri megah,*

*Khidmat cemerlang untuk negara.*

*Pintal kapas menjadi benang,  
Tenun benang menjadi sari,  
Khidmat cemerlang terus dikenang,  
Luhur budimu sentiasa di sisi.*

Sekian, terima kasih.